

**Company Name** : Pharmaniaga Berhad

**Date** : 25 August 2020

**Source** : Berita Harian

# Pharmaniaga jangka vaksin COVID-19 awal tahun hadapan

**Pharmaniaga** Bhd menjangkakan vaksin COVID-19 yang sedang menjalani ujian klinikal di negara seperti India dan China akan berada di Malaysia pada suku pertama atau kedua 2021, menurut Pemangku Pengarah Urusannya, Mohamed Iqbal Abdul Rahman.

“Kebanyakan (pembuat vaksin) sudah mengumumkan untuk mengeluarkan vaksin itu menjelang akhir 2020. Justeru, saya berpendapat mereka akan menyediakan untuk peringkat tempatan terlebih dahulu sebelum menawarkannya ke negara lain.

“Jadi, apabila Malaysia menerima vaksin itu, kilang kami bersedia untuk membotolkannya dengan segera,” katanya pada taklimat prestasi kewangan dan pengumuman keputusan bagi suku kedua 2020 syarikat berkenaan di Kuala Lumpur, semalam.

Mohamed Iqbal yang juga Ketua Pegawai Operasi syarikat berkata, vaksin itu akan memasuki pasaran selepas menerima kelulusan kerajaan dan memenuhi syarat undang-undang di bawah Agensi Kawal Selia Farmaseutikal Kebangsaan Malaysia (NPRA).

Beliau berkata, syarikat itu menyuntik RM2 juta untuk menggunakan semula kilang suntikan volum kecil (SVI) yang sedia ada di Puchong untuk menjalankan proses pembangunan pembotolan untuk vaksin COVID-19.

“Selepas selesai proses ini, kami akan kembali menjalankan kerja yang dilakukan sebelum ini,” katanya.

Pharmaniaga mempunyai tujuh kilang di enam lokasi di Malaysia dan sebuah kilang di Bandung, Indonesia. Bagaimanapun,

hanya satu daripada kilang itu, iaitu Pharmaniaga LifeScience Sdn Bhd di Puchong yang mempunyai peralatan mencukupi untuk membangunkan vaksin COVID-19.

Mohamed Iqbal berkata, ia adalah kilang yang diluluskan dengan Amalan Perkilangan Yang Baik (GMP) dan satu-satunya kilang SVI di Malaysia yang mempunyai GMP daripada Kesatuan Eropah.

“Kapasiti kami adalah kira-kira 10 juta dos setiap bulan untuk bekas 10 dos,” katanya.

Mengenai unjuran pada tahun ini, Mohamed Iqbal berkata, ia menjangkakan perniagaan syarikat itu akan kembali normal pada suku keempat 2020, seperti menerima tempahan daripada kerajaan seperti praCOVID-19 dan sektor swasta akan terus berkembang.



**Mohamed Iqbal Abdul Rahman.**

“Kami akan memastikan kesinambungan daripada konsesi kerajaan, memberi tumpuan kepada pembuatan khusus seperti melabur dalam terapeutik baharu dan memperluaskan langkah pendiditan kami,” katanya.

Secara keseluruhannya, beliau menjangkakan industri farmaseutikal akan mencatatkan pertumbuhan yang berterusan walaupun berdepan persekitaran lebih berdaya saing memandangkan kerajaan sudah meningkatkan kira-kira enam peratus perbelanjaan dalam sektor penjagaan kesihatan menerusi belanjawan sebelum ini.

BERNAMA